

## Panduan Perkhidmatan untuk Takaful Keluarga

Hong Leong Islamic Bank Berhad/ Hong Leong Bank Berhad menawarkan rangkaian produk takaful keluarga Hong Leong MSIG Takaful Berhad (HLM Takaful) melalui cawangan-cawangannya di seluruh negara. Jika anda berhasrat untuk menyertai produk takaful keluarga melalui Jurubank Peribadi/wakil kami, anda boleh menikmati perkhidmatan tambah nilai berikut.

**1**
**Sebelum anda menyertai produk takaful keluarga**

### Membantu anda memilih produk takaful yang sesuai

- ✓ Meneliti borang Carian Fakta Pelanggan bersama anda untuk memahami keperluan takaful dan matlamat kewangan anda dengan lebih baik
- ✓ Mengesyorkan produk takaful keluarga yang sesuai setelah mengkaji keperluan anda

### Menerangkan ciri ciri produk

- ✓ Menerangkan ciri-ciri produk, konsep Shariah yang berkenaan, manfaat-manfaat yang boleh dibayar, sumbangan serta caj-caj
- ✓ Menyediakan Helaian Pendedahan Produk untuk membantu anda membuat keputusan yang tepat serta memudahkan perbandingan produk

**2**
**Apabila anda membuat keputusan untuk menyertai pelan takaful**

### Membantu anda melengkapkan permohonan takaful

- ✓ Menerangkan kepentingan anda menjawab soalan-soalan di dalam borang permohonan dengan lengkap dan tepat
- ✓ Memberi maklumat mengenai penamaan (wasi dan/atau hibah) bagi memastikan manfaat yang dibayar akan diterima oleh penama atau waris anda sekiranya berlaku kematian
- ✓ Menghantar permohonan anda untuk proses pengunderaitan selepas anda menandatangani borang cadangan
- ✓ Mengatur pemeriksaan kesihatan dengan salah satu klinik panel HLM Takaful, sekiranya diperlukan

### Menerangkan terma-terma dan syarat-syarat sijil

- ✓ Sijil Takaful anda akan dihantar kepada anda (samada dengan tangan atau melalui pos) dalam masa 14 hari bekerja dari tarikh sijil dikeluarkan
- ✓ Menerangkan kepada anda terma-terma dan syarat-syarat sijil bagi memastikan anda telah menyertai pelan takaful yang tepat



3

## Semasa tempoh pelan takaful

### Perkhidmatan sijil berterusan

- ✓ Membantu dalam mengemukakan permintaan perkhidmatan kepada HLM Takaful, seperti pengubahsuaian sijil, pembatalan atau penyerahan sijil, pertukaran alamat, butiran perhubungan dan kekerapan sumbangan

### Membantu anda dalam membuat tuntutan takaful

- ✓ Membantu dalam mengemukakan borang dan dokumen tuntutan anda kepada HLM Takaful

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan maklumat tambahan, sila hubungi Hong Leong MSIG Takaful Berhad di **03-7650 1800** atau e-mel kepada **ReachUs@takaful.hongleong.com.my**

Portal Pelanggan untuk pelan Takaful Keluarga anda:

Sila layari laman sesawang korporat Hong Leong MSIG Takaful Berhad di <https://www.hlmtakaful.com.my>. Apabila anda berada di laman tersebut, sila klik pada banner **HLMTakaful360°** untuk akses dalam talian kepada maklumat sijil anda